

**SEJARAH PERKEMBANGAN ADAT ISTIADAT
MASYARAKAT IBAN DI BAHAGIAN BETONG
SARAWAK
(1961-2018)**

CESILIA NUAI ANAK JUKI



**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN
UNTUK MEMENUHI SYARAT
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA
SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN
DALAM BIDANG SEJARAH**



**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN
KEMANUSIAAN
2022**

BORANG PENGESAHAN STATUS LATIHAN ILMIAH

JUDUL: **SEJARAH PERKEMBANGAN ADAT ISTIADAT DI BAHAGIAN BETONG SARAWAK (1961-2018)**

IJAZAH: **SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN**

BIDANG: **SEJARAH**

Saya **CESILIA NUAI ANAK JUKI** sesi **2021-2022** mengaku dan membenarkan Latihan Ilmiah ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Latihan Ilmiah ini adalah Hak Milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Latihan Ilmiah ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
4. Sila tandakan (/):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD


(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD



Cesilia Nuai Anak Juki

Disahkan Oleh,

 ANITA BINTI ARSAD
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawan)



(Dr. Mohammadd Shaukhi Bin Mohd Radzi)

Penyelia

Tarikh 3 Ogos 2022

PENAKUAN

Bahawasanya, Saya Mengaku bahawa Penulisan yang bertajuk *Sejarah Perkembangan Adat Istiadat Masyarakat Iban di Bahagian Betong Sarawak (1961-2018)* ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali sumber-sumber rujukan yang saya gunakan untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan tajuk kajian ini.



3 Ogos 2022

Cesilia Nuai Anak Juki
BA19110464



UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Pertama Kali, saya ingin mengucapkan syukur dan Puji Tuhan di atas segala kekuatan, kesabaran dan juga kebijaksanaan yang telah diberikan kepada saya untuk menyempurnakan tesis ini dengan jayanya. Meskipun saya mengetahui bahawa perjalanan penulisan tesis ini bukanlah suatu perkara yang mudah namun dengan keyakinan yang diberikan kepada saya akhirnya saya mampu untuk membuktikan penghasilan penulisan tesis yang baik.

Seterusnya, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia tesis saya iaitu Dr. Mohd Shauhki Bin Mohd Radzi di atas segala bimbingan Beliau sepanjang perjalanan tesis ini dilaksanakan. Namun bukan itu sahaja, saya juga amat menghargai di setiap tunjuk ajar, dorongan dan kata-kata semangat yang beliau curahkan kepada saya agar sentiasa melakukan yang terbaik dalam penulisan tesis ini. Tanpa bantuan beliau saya tidak dapat menyiapkan tesis ini dengan baik. Dengan itu, kejayaan penulisan ini adalah satu anugerah yang saya hadiahkan kepada beliau kerana telah menjadi seorang pemimpin kepada saya dalam menyiapkan tesis ini.

Demikian juga, saya mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua Ibu bapa saya iaitu Encik Juki Anak Ali dan Puan Surie Anak Amo yang banyak membantu saya dalam menghasilkan tesis ini iaitu dari segi kewangan, masa dan tenaga untuk saya mendapatkan segala data mengenai tesis ini. Bahkan, saya juga sangat berterima kasih kepada adik beradik saya kerana turut membantu saya dengan memberi dorongan serta kata-kata nasihat agar saya lebih yakin dalam menghasilkan penulisan tesis ini.

Di samping itu, saya mengucapkan terima kasih kepada saudara, rakan-rakan seperjuangan dan juga warga kampung yang terlibat kerana banyak membantu saya dengan memberi kerjasama yang cukup baik untuk saya menjayakan penulisan tesis ini. Akhir kata daripada saya, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penulisan tesis ini dan semoga penulisan tesis ini dapat dijayakan dengan cukup baik. Sekian, Terima Kasih.

Cesilia Nuai Anak Juki

3 Ogos 2022

ABSTRAK

Kajian ini memberi tumpuan kepada Sejarah Perkembangan Adat Istiadat Masyarakat Iban di Bahagian Betong Sarawak iaitu pada tahun 1961 sehinggalah 2018. Merujuk kepada perkembangan Adat Istiadat ini, terdapat lima Daerah kecil yang mempengaruhi perubahan adat tersebut di mana ia didasari oleh empat Adat masyarakat Iban di Bahagian Betong iaitu Adat Perkahwinan, Adat Kematian, Adat Pantang Larang dan juga Adat Perayaan. Di dalam keempat-empat adat ini telah didapati berlakunya perubahan adat masyarakat Iban yang dulu dengan masyarakat Iban kini iaitu bermula pada tahun 1961 sehingga 2018. Oleh itu, dalam Penulisan kajian ini terdapat tiga objektif yang telah dikenalpasti bagi memperoleh tindak balas daripada tajuk ini. Antaranya ialah Membincangkan Latar Belakang Masyarakat Iban di Bahagian Betong Sarawak, kedua, Menganalisis Pengamalan Adat Asal Istiadat Masyarakat Iban di Bahagian Betong Sarawak dan yang ketiga ialah Menjelaskan Perubahan dan Impak perkembangan Adat istiadat kepada Masyarakat Iban di Betong Sarawak. Bagi memperoleh segala data maklumat yang berkaitan, maka kaedah yang digunakan oleh pengkaji ialah Kaedah Temu bual, Kaedah Kepustakaan dan Kaedah Sumber Internet. Namun bukan itu sahaja, Dapatan Kajian mendapati bahawa hampir kesemua maklumat yang diperolehi berdasarkan perkembangan adat ini telah mengalami perubahan yang sangat ketara. Hal ini sedemikian kerana, masyarakat Iban Tradisional di Bahagian Betong ini pada awalnya masih percaya kepada amalan nenek moyang mereka namun saban hari telah berlakunya perubahan di mana masyarakat Iban di kawasan ini sudah mula mempunyai agama kristian dan tidak mengamalkan adat lama tersebut. Maka di sinilah, permulaan perubahan yang berlaku terhadap asal Adat Istiadat Masyarakat Iban di Bahagian Betong ini dan impak yang wujud disebabkan oleh perubahan ini kepada mereka. Justeru itu, melalui kajian ini diharapkan dapat menjadi satu jawapan kepada masyarakat Iban mengenai perubahan yang berlaku terhadap adat istiadat mereka sendiri.

Kata Kunci: Masyarakat Iban, Perubahan Adat, Betong, Impak

ABSTRACT

HISTORY OF THE DEVELOPMENT OF CERTAIN CUSTOMS OF THE IBAN COMMUNITY IN THE BETONG SECTION OF SARAWAK (1961-2018)

This study focuses on the History of the Development of Iban Customs in Betong Sarawak Division from 1961 to 2018. Referring to the development of these Customs, there are five sub -districts that influence the change of customs where it is based on four Iban customs in the Division Betong is the Custom of Marriage, the Custom of Death, the Custom of Taboo and also the Custom of Celebration. In these four customs, it has been found that there has been a change in the customs of the Iban community in the past with the Iban community now, starting in 1961 until 2018. Therefore, in the writing of this study there are three objectives that have been identified to get a response from this topic. Among them is Discussing the Background of the Iban Community in Betong Sarawak Division, second, Analyzing the Original Customary Practices of the Iban Community in Betong Sarawak Division and the third is to Explain the Changes and Impact of the development of Customs to the Iban Community in Betong Sarawak. In order to obtain all the relevant information data, the methods used by the researcher are Interview Method, Library Method and Internet Resource Method. But not only that, the Findings of the Study found that almost all the information obtained based on the development of this custom has undergone very significant changes. This is because, the Traditional Iban community in Betong Division at first still believe in the practices of their ancestors but every day there have been changes where the Iban community in this area has begun to have Christianity and do not practice the old customs. So here is the beginning of the changes that took place to the origins of the Iban Customs in the Betong Division and the impact that exists due to these changes to them. Therefore, through this study it is hoped to be an answer to the Iban community about the changes that have taken place in their own traditional customs.

Keywords: Iban Community, Customary Change, Betong, Impact

ISI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGESAHAN	ii
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii-xviii
RUJUKAN	xviii
BAB 1: PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1-2
1.2 Permasalahan Kajian	3-5
1.3 Sorotan Literatur	5-9
1.4 Objektif Kajian	9-10
1.5 Skop Kajian	10
1.6 Metodologi Kajian	10-12
1.7 Kepentingan Kajian	11-15

1.8 Pembahagian Bab 15-19

1.9 Kesimpulan 19

**BAB 2: LATAR BELAKANG MASYARAKAT IBAN DI
BAHAGIAN BETONG SARAWAK**

2.1 Pengenalan 20-21

2.2 Latar Belakang Bahagian Betong Sarawak 21-27

2.2.1 Masyarakat Iban di Bahagian Betong 28-29

2.3 Adat Istiadat Masyarakat Iban di Bahagian Betong Sarawak 29-30

2.4 Perbezaan Dalam Adat Istiadat Masyarakat Iban Di Bahagian
Betong Sarawak 30-32

2.4.1 Perbezaan Adat Istiadat pada Tahun 1961 32-34

2.4.2 Perbezaan Adat Istiadat pada Tahun 2018 34-36

2.5 Kesimpulan 36-37

**BAB 3: PENGAMALAN ADAT ASAL ISTIADAT
MASYARAKAT IBAN DI BAHAGIAN BETONG SARAWAK**

3.1 Pengenalan 38-39

3.2 Pengamalan Adat Asal Istiadat Masyarakat Iban 39

3.2.1 Pengamalan Adat Asal Dalam Perkawinan 40-43

3.2.2 Pengamalan Adat Asal Dalam Kematian 44-46

3.2.3	Pengamalan Adat Asal Dalam Pantang Larang	46-49
3.2.4	Pengamalan Adat Asal Dalam Perayaan	49-52
3.3	Perubahan Terhadap Asal Adat Masyarakat Iban di Bahagian Betong	53
3.3.1	Perubahan Adat Asal Dalam Perkawinan	53-55
3.3.2	Perubahan Adat Asal Dalam Kematian	55-56
3.3.3	Perubahan Adat Asal Dalam Pantang Larang	56-57
3.3.4	Perubahan Adat Asal Dalam Perayaan	57-58
3.2	Kesimpulan	58-59
<p style="text-align: center;">BAB 4: PERUBAHAN DAN IMPAK PERKEMBANGAN ADAT ISTIADAT KEPADA MASYARAKAT IBAN DI BAHAGIAN BETONG SARAWAK</p>		
4.1	Pengenalan	60-61
4.2	Faktor Perubahan Adat Istiadat Masyarakat Iban kepada kehidupan setempat	61
4.2.1	Agama Dan Kepercayaan	62-65
4.2.2	Makanan Tradisional	65-67
4.2.3	Kawasan	67-69
4.2.4	Pemodenanan	69-71
4.3	Impak Perubahan Perkembangan Adat Istiadat kepada	71

Masyarakat Iban di Bahagian Betong Sarawak

4.3.1	Impak Perkembangan Adat Istiadat Dalam Sosial	71-74
4.3.2	Impak Perkembangan Adat Istiadat Dalam Ekonomi	74-76
4.3.3	Impak Perkembangan Adat Istiadat Dalam Politik	76-78
4.4	Kesimpulan	78-79

BAB 5 : KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	80
5.2	Rumusan Kajian	80-81
5.3	Dapatan kajian	81
5.3.1	Latar Belakang Masyarakat Iban di Bahagian Betong Sarawak	81-82
5.3.2	Pengamalan Adat Asal Masyarakat Iban di Bahagian Betong Sarawak	82-83
5.3.3	Perubahan dan Impak Perkembangan Adat Istiadat kepada Masyarakat lain	8
5.4	Kesimpulan Dapatan	84-85
5.5	Penutup	85
	SENARAI RUJUKAN	86-89

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Negara Malaysia merupakan sebuah negara yang aman damai kerana kedaulatan Bangsa, Kenegaraan dan Kemerdekaan yang dikecapi oleh para Pemimpin sejak tahun 1957 lagi.¹ Seperti mana yang telah tercatat dalam Sejarah, Pembentukan Malaysia lahir dengan penggabungan Persekutuan Tanah Melayu bersama wilayah-wilayah Borneo Utara iaitu Sabah dan juga Sarawak yang mempunyai 13 buah negeri dalam Malaysia.² Tambahan pula, wilayah Borneo mempunyai lingkungan kawasan yang sangat besar berbanding dengan negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia. Maka dengan itu, Sarawak telah menjadi sebahagian sorotan negeri yang mempunyai kawasan yang paling luas kerana mempunyai kepadatan Daerahnya. Bahkan, Negeri Barat Borneo ini mempunyai 40 kawasan Daerah yang terdiri daripada Daerah Selangau, Mukah, Dalat, Matu, Daro, Tanjung Manis, Bintulu, Tatau, Sebauh, Kapit, Belaga, Song, Bukit Mabong, Miri, Marudi, Subis, Beluru, Telang Usan, Limbang, Lawas, Kuching, Lundu, Kota Samarahan, Asajaya, Simunjan, Serian, Tebedu, Sri Aman, Lubok Antu, Betong, Saratok, Pusa, Kabong, Sarikei, Meradong, Julau, Pakan, Sibu, Kanowit dan Labuan.

Tambahan pula, Sarawak merupakan sebuah negeri Barat Borneo yang terkenal dengan gelaran nama yang dikaitkan dengan Batang Sarawak mahupun Sungai Sarawak dalam Bahagian Kuching sejak tahun 1941 lagi.³ Namun bukan itu sahaja, kewujudan Sarawak juga terkenal selepas berlakunya penjajahan keturunan

¹ Abdul Rahman Haji Ismail & Azmi Arifin, *Sejarah Malaysia: Wacana Kedaulatan Bangsa, Kenegaraan Dan Kemerdekaan* : Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2015, hlm. 8.

² Armizan Mohd Ali, *Sabah dalam Persekutuan Malaysia: MA63 Sebagai Kontrak Sosial* : Insitut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM), 2020, hlm. 25.

³ Tuah D, *Citra Sosiobudaya Membentuk Identiti Kepengarangan Penulis Bumi Kenyalang: satu Sorotan Sociocultural Image Creating The Authorship Identity Of Sarawak Authors: A Review*. AL-QIYAM International Social Science and Humanities Journal, 2021, hlm. 1-14.

Brooke di Sarawak. Menurut pandangan ahli Sejarahwan, penempatan di Sarawak yang paling berpengaruh adalah Gua Niah kerana ia merupakan sebuah penempatan terawal di Asia Tenggara.⁴ Namun bukan itu sahaja, Sarawak juga terkenal dengan kepelbagaian suku kaum etnik di mana ianya terdiri daripada kaum etnik Orang Melayu, Orang Melanau, Iban, Bidayuh, Kenyah, Kelabit, Penan, Murut dan banyak lagi. Dengan kepelbagaian suku kaum etnik ini, petempatan mereka telah digarisi dengan berlainan kawasan penempatan kerana ada yang mendiami kawasan persisiran pantai, lembah sungai, pedalaman dan juga darat.

Selain daripada itu, merujuk kepada status Bumiputera Sarawak, majoriti kaum utama yang terbanyak ialah Iban, Bidayuh dan Orang Ulu. Oleh itu, asal usul Kaum Iban ini dikatakan berasal daripada Kalimantan, Indonesia dan kemudiannya berpindah ke Sarawak di mana ia telah didasari dengan adat "*Bejalai*" yang membawa maksud satu proses mencari peluang baharu dan lebih baik seperti mencari kawasan tanah yang luas dan kehidupan dalam keamanan.⁵ Salah satunya ialah dalam Bahagian Betong ini terdiri daripada beberapa daerah kecil seperti Debak, Pusa, Spaoh dan juga Maludam. Di Bahagian Betong ini juga, ianya terdiri daripada tiga suku kaum etnik yang utama iaitu Iban, Melayu dan Cina. Justeru itulah, dengan kewujudan kepelbagaian suku kaum etnik ini maka ia telah mempengaruhi Sejarah Perkembangan Adat Istiadat Masyarakat Iban di Bahagian Betong Sarawak.

Dalam Sejarah Perkembangan Adat Istiadat Masyarakat Iban di Betong ini, ia akan memperlihatkan dari empat aspek iaitu adat istiadat dalam Perkahwinan, Kematian, Pantang Larang dan juga Perayaan. Hal ini sedemikian kerana, perkembangan adat istiadat Masyarakat Iban ini akan dilihat dari tahun 1961 sehinggalah 2018 di mana pada tahun tersebut masih mengamalkan adat asal masyarakat Iban itu sendiri berbanding dengan tahun 2018 yang makin kian ketara terhadap perubahan adat istiadat tersebut disebabkan peredaran zaman yang semakin memoden. Maka dengan itulah, Sejarah Perkembangan Adat Istiadat Masyarakat Iban di Betong Sarawak ini akan merungkaikan segala perkembangan ataupun perubahan dalam adat istiadat dan segala perubahan adat asal Masyarakat Iban seperti yang diamalkan sekarang ini.

⁴ Krigbaum, J. S, *Human paleodiet in tropical Southeast Asia: Isotopic evidence from Niah Cave and Gua Cha*: New York University, 2001, hlm. 45.

⁵ *Ibid.*, hlm. 46.

1.2 Permasalahan Kajian

Perubahan Perkembangan Adat Istiadat Masyarakat Iban khususnya di Betong Sarawak ini telah memberi pendedahan yang cukup membimbangkan di mana berlakunya perubahan yang cukup ketara untuk dilihat nilainya terutama kepada generasi muda akan datang. Hal ini sedemikian kerana, adat asal Masyarakat Iban ini adalah satu-satunya istiadat mahupun budaya yang telah diturunkan nenek moyang mereka lalu diwarisi oleh kaum Iban ini. Di Bahagian Betong Sarawak ini, masyarakat Iban kebanyakan sudah menganuti agama Kristian sekitar tahun 2018. Bahkan, sesetengah daripada kawasan mahupun daerah di kawasan Betong ini juga, telah dilihat banyak perubahan yang berlaku terutamanya dalam adat asal Masyarakat Iban itu sendiri. Dalam adat Istiadat Masyarakat Iban di Betong ini, ianya terdiri daripada Adat Perkahwinan, Kematian, Pantang Larang dan juga Perayaan.

Seperti yang dikatakan sebelum ini, adat Istiadat Masyarakat Iban ini telah dilihat perkembangannya bermula dari tahun 1961 sehingga 2018 di mana sekitar tahun 1961 ini adat istiadat masyarakat Iban ini masih jelas mengamalkan adat yang berunsurkan Tradisional iaitu satu adat kepercayaan asal kepada nenek moyang mereka dahulu. Namun pada tahun 2018, adat istiadat ini telah mula berlakunya perubahan dalam adat asal masyarakat Iban itu sendiri iaitu dalam bentuk perkahwinan, kematian, pantang larang serta perayaan. Maka dengan itulah, perubahan di atas perkembangan adat istiadat ini akan memperlihatkan bagaimana perubahan sesuatu asal adat dalam Masyarakat Iban ini. Namun bukan itu sahaja, jika dilihat dalam aspek adat istiadat masyarakat Iban yang pertama iaitu Adat Istiadat dalam Perkahwinan. Dalam adat Perkahwinan ini masyarakat Iban di Bahagian Betong telah mengamalkan beberapa fasa iaitu fasa merisik ataupun lebih dikenali sebagai "*Nanya Indu*", bertunang, dan majlis perkahwinan sebelum sah menjadi suami isteri. Perkahwinan ini telah ditentukan dengan Adat Orang Iban itu sendiri di mana setiap fasa tersebut akan dilakukan oleh kedua-dua belah pihak keluarga.⁶

Walaupun bagaimanapun, perkembangan dalam adat perkahwinan ini semakin ketara dilihat perubahannya apabila berlakunya peredaran masa. Namun bukan itu

⁶ Haslinda Md Nazri, *Aspek Sosial dan Kebudayaan Masyarakat Iban di Sarawak: Ideology* Jabatan Seramik Bandar Seri Iskandar, Perak, 2018, hlm. 79-90.

sahaja, ia juga dapat dilihat dengan lebih teliti lagi apabila fasa bertunang sudah semakin tidak dilaksanakan lagi sekitar tahun 2018 kerana dikatakan hanya melengah-lengahkan masa sahaja bagi kedua-dua pengantin tersebut. Bahkan, adat perkahwinan dalam masyarakat Iban di Betong ini juga kebanyakannya tidak tertumpu kepada adat tradisional malah lebih terpengaruh dengan adat perkahwinan secara lebih moden. Maka dengan itulah, ia telah menjadi salah satu sebab apabila berlakunya perubahan di dalam adat Perkahwinan tersebut. Selain itu juga, dalam adat Kematian, seperti mana yang kita ketahui, upacara kematian masyarakat Iban berbeza dengan suku etnik yang lain kerana mereka mengamalkan adat tersebut dari nenek moyang mereka dulu lagi. Oleh sebab itulah, di kawasan Betong ini tidak dapat dinafikan bahawa ia telah menunjukkan suatu perbezaan dalam adat kematian bermula dari tahun 1961 sehinggalah 2018 kebanyakannya adat yang digunakan ketika ada kematian adalah berbeza jika dibandingkan dengan sekarang ini. Akan tetapi, dari sudut maklumat setempat, Betong merupakan salah satu kawasan yang paling unik untuk dilihat suatu perbezaan dari segi perkembangan adat ini. Hal ini kerana, Betong mempunyai kawasan Rumah Panjang masyarakat Iban yang paling banyak dan diikuti dengan perbezaan adat yang berlaku dalam kehidupan mereka.

Di samping itu juga, dalam adat pantang larang masyarakat Iban di Betong ini dilihat sebagai suatu pengamalan adat asal yang paling lama kerana pantang larang ini selalu digunakan oleh masyarakat Iban ketika mereka mengalami sesuatu perkara yang tidak baik ataupun dikenali dengan percaya kepada roh-roh kematian. Adat pantang larang ini diamalkan tidak mengira usia muda ataupun tua kerana ia boleh bertindak sebagai pelindung ketika ada masalah yang dihadapi oleh mereka. Adat pantang larang ini bukan sahaja diamalkan oleh masyarakat Iban malah suku kaum etnik yang lain juga masih berpegang kepada pantang larang ini. Meskipun ada sebarang perubahan daripada perkembangan adat istiadat yang terjadi dalam masyarakat Iban di Betong ini namun mereka tidak melenyapkan amalan ini daripada kehidupan seharian mereka. Kemudian, dalam Adat perayaan juga ia adalah paling ketara terdapat perbezaannya di Betong ini kerana kebanyakan kawasan yang terdapat di Betong tidak mengamalkan adat perayaan mengikut adat tradisional masyarakat Iban itu sendiri. Malah mereka, telah beralih kepada perubahan yang boleh dikatakan baru kerana disebabkan oleh beberapa faktor seperti kawasan dan juga agama.

Perubahan perkembangan adat istiadat masyarakat Iban di Bahagian Betong Sarawak ini mengalami satu impak yang dominan kerana faktor agama yang paling utama memberi pengaruh kepada perubahan adat istiadat tersebut. Hal ini kerana, masyarakat Iban tradisional kebanyakannya tidak mempunyai agama malah masih berpegang kepada unsur-unsur lama manakala masyarakat Iban kini sudah mula beralih kepada pegangan agama Kristian kerana itulah setiap perubahan yang berlaku telah bercanggah dengan adat istiadat masyarakat Iban itu sendiri sehingga menyebabkan perkembangan itu berlaku sehingga ke hari ini.

Oleh itu, beberapa persoalan yang telah timbul terhadap perkembangan Adat Istiadat Masyarakat Iban ini. Antaranya ialah:

- i. Bagaimana Perkembangan Adat Istiadat Masyarakat Iban di Bahagian Betong Sarawak ini berlaku?
- ii. Sejauhmanakah Perubahan pengamalan Adat Asal Istiadat Masyarakat Iban di Bahagian Betong Sarawak ini?
- iii. Apakah impak kepada perkembangan Adat Istiadat Masyarakat Iban di Bahagian Betong Sarawak ini?

1.3 Sorotan Kajian

Bahagian ini akan memperlihatkan kepada beberapa contoh kajian lepas mengenai adat istiadat masyarakat Iban Di Bahagian Betong Sarawak yang dikatakan mempunyai perubahan dalam adat asal tersebut. Bahkan dalam bahagian ini juga akan menggunakan lima kaedah untuk mengenalpasti mengenai kajian yang lepas seperti membandingkan, menganalisis, menilai, kesimpulan dan juga mensintesis. Maka dengan itu, kajian ini akan melihat kajian lepas yang berkaitan dengan Sejarah Perkembangan Adat Istiadat Masyarakat Iban di Bahagian Betong Sarawak (1961-2018).

Dalam tema 1 ini, akan dinyatakan mengenai kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kajian ini iaitu kajian Darmadi, 2017. Dayak Asal Usul dan Penyebarannya di Bumi Borneo. Berdasarkan penulisan kajian Darmadi ini, ia merujuk kepada asal usul

masyarakat Dayak iaitu salah satunya ialah masyarakat Iban yang mula tersebar secara meluas di bumi Kenyalang Sarawak. Seperti yang sedia maklum, kedatangan masyarakat Iban di Sarawak ini telah dikatakan berasal daripada Kalimantan Indonesia di mana mereka mula memasuki sempadan Sarawak melalui dua laluan air yang berbeza iaitu laluan Kapuas dan juga laluan Batang Ai Sarawak. Bukan itu sahaja, Dayak Kalimantan ini mempunyai adat tradisi yang sangat berpengaruh kerana pecahan kumpulan kaum Dayak ini kebanyakannya datang dari wilayah-wilayah yang terdapat di Indonesia.⁷

Tambahan pula, suku bangsa Dayak ini mempunyai istiadat dan budaya yang hampir sama dengan Kalimantan Indonesia di mana Dayak Sabah dan Sarawak dikenali sebagai sebuah negara Serumpun kerana istiadat mereka hampir sama dengan Dayak Indonesia sekaligus bersesuaian dengan sosial masyarakatnya. Namun, setelah kedatangan James Brooke ke Sarawak ianya telah ditentang oleh Orang Iban yang diketuai oleh Panglima Rentap yang pada ketika itu di Bahagian Kuching, Betong, Sri Aman dan lain-lain. Oleh itu, majoriti masyarakat yang tinggal di Sarawak ialah masyarakat Iban Dayak. Selain itu, berdasarkan daripada kajian Haslinda Md. Nazri, 2018. Aspek Sosial dan Kebudayaan Masyarakat Iban di Sarawak menjelaskan bahawa Sarawak mempunyai kira-kira 30 kumpulan etnik di Sarawak dan kaum Iban salah satu kaum etnik yang terbesar di Sarawak. Mengikut sejarah, kaum Iban ini kebanyakannya tinggal di bahagian Barat Laut Kepulauan Borneo. Bahkan, dalam kajian Haslinda juga menjelaskan bahawa kesan daripada corak pertanian pindah yang mereka lakukan telah menyebabkan masyarakat Iban ini berada di beberapa kawasan di Sarawak. Oleh itu, antara kawasan yang tertumpu bagi masyarakat Iban iaitu bahagian Sri Aman, Samarahan, Betong, Sarikei, Sibul, Pakan, Kapit, Bintulu, Baram dan juga Miri.⁸

Seterusnya ialah kajian daripada Philip Beginda dan Bilcher Bala, 2018,. Pengaruh Demografi Terhadap Perubahan Sosio-politik Orang Iban Di Sarawak. Kajian ini menunjukkan adat istiadat dan budaya masyarakat Iban di Sarawak yang telah membentuk suatu sosio-budaya yang akan turut mempengaruhi sosio-politik mereka. Adat dan budaya yang dibawa oleh masyarakat Iban ini dijelaskan berdasarkan masyarakat Iban tradisonal di mana mereka masih percaya kepada

⁷ Hamid Darmadi, *Dayak Asal-Usul dan Penyebarannya di Bumi Borneo (1)*. *Sosial Horizon: Jurnal Pendidikan Sosial*, 2017, hlm. 322-340.

pengaruh-pengaruh lama. Namun bukan itu sahaja, pengaruh Demografi juga telah menyebabkan berlakunya perubahan soiso-politik kerana penempatan masyarakat Iban ini saling berbeza sekaligus terdapat penempatan yang jauh di pedalaman. Bahkan, adat dan budaya tradisonal yang mereka amalkan masih diamalkan sehingga kini meskipun ada beberapa perubahan yang berlaku dalam adat tersebut. Namun adat lama ataupun tradisional yang dianggap bersifat sensitif tidak lagi diamalkan kerana ia bertentangan dengan undang-undang negara.⁹

Merujuk kepada Tema 2 ini, kajian-kajian lepas yang berkaitan dengannya ialah kajian daripada Gregory Kiyai, 2019. Ritual Adat Kematian dalam Masyarakat Iban di Sarawak: Artifak Iringan Tukang Sabak. Masyarakat Iban kebanyakannya masih mempunyai pegangan hidup yang berbudaya kepada percaya wujudnya alam lain selain daripada alam manusia. Masyarakat Iban khususnya di bahagian Betong ini percaya kepada alam kematian selepas kehidupan iaitu disebut sebagai "*Sebayan*". Adat ini diyakini telah diamalkan sejak turun temurun lagi dalam kehidupan mereka. Dalam ritual adat kematian bagi masyarakat Iban ini, akan dilihat berdasarkan "*Tukang Sabak*" di mana beliau memainkan peranan yang sangat penting ketika ada kematian dalam sesebuah rumah panjang tersebut. Ritual Tukang Sabak ini dalam adat kematian ada dua kategori iaitu *Sabak Bebuah* dan *Sabak Kenang*. Kewujudan Tukang Sabak ini diibaratkan sebagai pengantara untuk menyampaikan pesanan tidak tersampai si mati kepada keluarganya.¹⁰

Seterusnya ialah, kajian daripada Gregory Kiyai, 2021. Sejarah Budaya Ngayau Dalam Masyarakat Iban di Sarawak. Dalam kajian ini memperlihatkan sebuah budaya masyarakat Iban iaitu dikenali sebagai *Ngayau* ataupun lebih kepada memburu kepala yang telah dilakukan sejak turun temurun lagi. Sejarah Ngayau ini telah membawa sejarah yang cukup mendalam terhadap masyarakat Iban kerana ia memberikan imej secara visual dalam bentuk keberanian dan kepahlawanan masyarakat Iban dalam melawan pihak musuh. Meskipun, amalan *Mengayau* ini sebuah tindakan yang kurang berperikemanusiaan pada masa kini namun bagi masyarakat Iban dulu aktiviti ini adalah dianggap sebagai lambang sebuah kemenangan dalam perjuangan masyarakat mereka untuk menentang pihak musuh.

⁹ Haslinda Md Nazri, *Op.cit.*, hlm. 88.

¹⁰ Gregory Kiyai, *Ritual Adat Kematian dalam Masyarakat Iban di Sarawak: Artifak Iringan Tukang Sabak*: Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History), 2019, hlm. 23.

Keberanian masyarakat Iban dalam menentang pihak musuh adalah satu sifat keberanian yang tinggi kerana jika mereka berjaya mengalahkan pihak musuh maka kepala manusia yang dipotong mereka tersebut akan dijadikan sebagai bukti bahawa mereka adalah pahlawan yang sebenar pada ketika itu.

Di samping itu, berdasarkan kajian Gregory Kiyai, Noria Tugang dan Olivia Seer, 2020. *Ngajat Iban: Satu Penelitian Budaya*. Dalam perayaan Gawai Dayak dan majlis perkahwinan tarian Ngajat sering kali dipersembahkan sebagai sebuah tarian Tradisional masyarakat Iban. Dalam Perayaan Gawai Dayak ini akan dilakukan beberapa ritual sebelum memulai sebarang aktiviti semasa perayaan ini disambut oleh masyarakat Iban. Dalam kajian ini juga telah menunjukkan bahawa Bahagian Betong menjadi salah satu tempat kajian penulis untuk menjelaskan bagaimana adat istiadat mahupun budaya masyarakat Iban ini dilihat sebagai sebuah satu tradisi tradisional.

Dalam Tema 3 ini pula, kajian yang berkaitan ialah Kajian Khairul Zuhairi Kalim dan Noria Tugang, 20. *Perubahan Objek Tajau Dalam Budaya Iban di Sarawak*. Seperti mana yang dilihat dalam kajian ini, Tajau merupakan salah satu warisan tradisi bagi masyarakat Iban di Sarawak. Kewujudan tajau ini telah diukir dengan corak seninya yang tersendiri. Setiap corak seni yang diukir tersebut mempunyai maksudnya yang tersendiri. Tajau ini mempunyai fungsi yang sangat banyak terutamanya dalam aktiviti perdagangan. Namun kini, penggunaan tajau ini kurang dipraktikkan dalam kehidupan masyarakat Iban di Bahagian Betong amnya. Hal ini sedemikian kerana, harga Tajau ini sangat mahal dan hampir mencecah ratusan ringgit serta ada juga kawasan tempat tinggal masyarakat Iban di Betong telah mengalami kebakaran sehingga menyebabkan mereka kehilangan banyak Tajau. Maka dengan itu mereka telah mengalami kehilangan kesemua Tajau yang telah disimpan selama ini. Perubahan objek Tajau ini dalam budaya masyarakat Iban di Sarawak ialah kerana berlakunya pertembungan budaya global, perubahan fungsi objek tajau dan juga perubahan agama dan kepercayaan masyarakat Iban kini.¹¹ Selain daripada itu, kajian Nurul Izzah Umar, 2015. *Perspektif Suku Dayak Terhadap Perubahan Sosial*. Adat istiadat yang dimiliki oleh suku Dayak sangat ketara ketika dilihat dari aspek pakaian, cara kehidupan mereka serta upacara ritual yang

¹¹ Khairul Zuhairi Kalim & Noria Anak Tugang, *Perubahan Objek Tajau Dalam Budaya Iban Di Sarawak*: Universiti Malaysia Sarawak, 2018, hlm. 2-8.

dilakukan masyarakat ini. Bahkan, perubahan-perubahan yang berlaku dari semasa ke semasa telah menyebabkan adat istiadat ini mula beralih kepada yang baru kerana atas faktor agama dan juga perubahan masa. Perubahan sosial yang dilakukan masyarakat Iban ini bukan sahaja mempengaruhi aktiviti kehidupan mereka malah juga turut mempengaruhi aspek dari karya seni dan budaya yang dilakukan selama ini. Bukan itu sahaja, dalam kajian A. Aziz Deraman, 2005. Warisan Budaya Dalam Konteks 1 Malaysia. Setiap budaya pelbagai kaum akan dipelihara dengan baik kerana budaya ini akan diberikan penekanan yang sangat tinggi nilainya. Oleh itu, Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) telah digubal untuk membentuk sebuah budaya masyarakat pelbagai kaum. Begitu juga dengan masyarakat Iban di mana mereka telah berjaya menubuhkan persatuan, kelab dan juga tempat pelancongan untuk mempamerkan keunikan adat serta budaya mereka kepada kaum lain. Dengan pertubuhan persatuan dan juga kelab ini daapt membantu dalam mengekalkan adat budaya masyarakat Iban ini.¹²

Di samping itu, kajian Puteri Salha, S. 2015. Kampung Budaya Sarawak: Kajian dari aspek pengurusan Pemasaran. Di Kuching Sarawak telah wujud kampung budaya yang telah ditubuhkan Sarawak untuk mengangkat martabat budaya masyarakat suku kaum etnik khususnya masyarakat Iban. Bukan sahaja untuk memelihara budaya dan adat ini daripada dilenyapkan malah ia juga turut dapat meningkatkan nama baik sesebuah negara kerana ia turut dijadikan sebagai tempat pelancongan sekaligus mempersembahkan keunikan adat budaya kaum Iban di Sarawak. Meskipun Betong telah mengalami perubahan dalam segi adat masyarakat Iban namun ia dapat dilihat semula ketika dalam kampung budaya ini. Hal ini sedemikian kerana Kampung Budaya Kuching Sarawak ini akan mengadakan festival yang berkaitan dengan adat serta budaya masyarakat Iban pada setiap tahun.¹³

1.3 Objektif Kajian

Dalam Objektif kajian ini, ia akan memperlihatkan Perkembangan Adat Istiadat Masyarakat Iban di Bahagian Betong Sarawak (1961-2018) di mana ia akan berpandukan tiga idea utama iaitu:

¹² A Aziz Deraman, *Warisan Budaya Dalam Konteks 1 Malaysia* : Gabungan Persatuan Penulis Nasional (GAPENA), 2005, hlm. 111.

¹³ *Ibid.*, hlm, 112.

1. Membincangkan Latar Belakang Masyarakat Iban di Bahagian Betong Sarawak.
2. Menganalisis Pengamalan Adat Asal Istiadat Masyarakat Iban di Bahagian Betong Sarawak.
3. Menjelaskan Perubahan Dan Impak Perkembangan Adat Istiadat Kepada Masyarakat Iban di Bahagian Betong Sarawak.

1.4 Skop Kajian

Dalam kajian ini, saya telah memilih kawasan tempat tinggal saya sendiri sebagai tajuk kajian saya iaitu di Bahagian Betong. Tajuk ini akan membawa sebuah persejaraan tentang Sejarah Perkembangan Adat Istiadat Masyarakat Iban di Betong Sarawak iaitu pada tahun 1961 sehinggalah 2018. Mengikut laporan semasa petempatan masyarakat Iban di Betong Sarawak ini paling banyak berbanding dengan penempatan suku kaum etnik yang lain. Hal ini kerana, Betong merupakan salah satu kawasan rumah panjang yang ramai didiami masyarakat Iban di Sarawak berbanding dengan kawasan yang lain. Oleh itu, jumlah Rumah Panjang Masyarakat Iban yang berdaftar di Pejabat Daerah Betong ialah sebanyak 202 buah rumah Panjang yang rata-ratanya masih didiami oleh Masyarakat Iban itu sendiri. Seperti yang dilihat dalam demografi penduduk di Bahagian Betong ini, pembahagian jumlah penduduk masyarakat Iban yang tinggal di Betong dibahagikan mengikut Daerah iaitu Betong, Debak, Maludam, Pusa dan juga Spaoh. Jumlah masyarakat Iban di Betong sendiri seramai 12,492, di Debak seramai 5262, di Maludam pula seramai 5901, di Pusa 118 dan Spaoh seramai 2,652. Jadi jumlah keseluruhannya ialah sebanyak 26,425 penduduk masyarakat yang tinggal di Bahagian Betong ini.¹⁴

Namun bukan itu sahaja, skop kajian ini akan berfokus kepada daerah yang hanya terdapat di Bahagian Betong saja iaitu bermula dari Betong sehinggalah ke Daerah Maludam. Bahkan, dalam kajian ini juga ia akan memperlihatkan perkembangan adat istiadat bagi Masyarakat Iban di Betong ini yang akan membincangkan tentang bagaimana suatu perubahan boleh berlaku terhadap adat istiadat tersebut.

¹⁴ *Pentadbiran Bahagian Betong*. 2022. Demografi Daerah Betong. 15 Mac:1.

1.5 Metodologi Kajian

Kajian ini dilakukan berdasarkan kefahaman tentang tajuk yang telah dipilih. Setiap tajuk yang dipilih akan menggunakan pelbagai kaedah ataupun metodologi yang digunakan untuk menjayakan kajian ini. Berdasarkan definisi metodologi penyelidikan, Mc. Millan dan Schumacher (1977) menyatakan bahawa penyelidikan merupakan suatu proses yang sistematik dalam mengumpul dan menganalisis data atau maklumat untuk tujuan-tujuan tertentu.¹⁵ Oleh itu, dalam kajian ini metodologi utama yang digunakan ialah membuat segala rujukan ke atas buku-buku rujukan samada melalui dalam talian dan mencari sumber di perpustakaan. Rujukan yang dicari bukan sahaja buku malah rujukan jurnal dan karya-karya penulis mahupun tokoh sejarahwan.

Antara kaedah yang digunakan untuk menjayakan kajian ini ialah:

1. Kaedah Temu Bual

Namun bukan itu sahaja, kaedah kajian ini juga akan berdasarkan kaedah temu bual dimana pengkaji akan mengadakan temu bual yang berkaitan dengan tajuk kajian bersama para responden temu bual yang terdapat di Bahagian Betong ini. Penggunaan kaedah temu bual ini dapat memperolehi hasil maklumat yang jelas dan baik kerana ia merupakan salah satu sumber primer dalam bentuk keterangan asli. Kaedah temu bual ini selalunya dikenal sebagai "*interview*" yang berupaya untuk mewujudkan proses interaksi mahupun komunikasi dari dua orang ataupun lebih bagi memperoleh segala maklumat yang berkaitan.¹⁶ Bahkan, proses temu bual ini juga akan dilakukan secara berperingkat mengikut masa kesesuaian setiap responden. Temu bual ini sekurang-kurangnya akan melibatkan lima orang responden untuk bertanya serba sedikit perjelasan mengenai tajuk kajian ini.

¹⁵ Bhasah Abu Bakar & Yuslina Mohamed, *Metodologi Penyelidikan* : Universiti Sains Islam Malaysia, 2013, hlm. 23-24.

¹⁶ Noor Haslinda Shuib, *Penggunaan Protokol Temu Bual Dalam Menghasilkan Dapatan Kajian Kualitatif Yang Berkualiti: Satu Perkongsian Pengalaman* : Jurnal Refleksi Kepimpinan Jilid II, 2019, hlm. 98-99.

2. Kaedah Melayari Internet

Kajian ini juga akan menggunakan kaedah melayari internet sebagai kaedah utama kerana segala sumber yang berkaitan dengan tajuk boleh diakses melalui internet selain daripada penemu bual para responden. Kaedah ini selalu digunakan kerana ia lebih menjimatkan masa pengkaji serta dapat mencari maklumat dengan cara yang mudah dan juga pantas. Tambahan pula, mencari sumber-sumber seperti artikel jurnal yang terdapat dalam talian ini dapat membantu serba sedikit kepada pengideaan pengkaji dalam menyampaikan maklumat yang lain ke dalam bentuk kajian.¹⁷ Maka dengan itulah, kaedah ini telah ditekankan untuk menjadi kaedah utama dalam kajian ini.

3. Kaedah Kepustakaan

Merujuk kepada kaedah kepustakaan pula, kaedah ini adalah suatu kaedah bantuan bagi pengkaji untuk mencari sumber sebelum penulis melakukan pencarian yang lebih teliti terhadap kajian ini. Oleh itu, sebelum memulakan kajian ini, pengkaji akan membuat penyelidikan kepustakaan terlebih dahulu agar setiap maklumat yang dicari dapat membantu kajian ini dengan lebih lancar. Kaedah kepustakaan ini sangat penting kerana ia berfungsi sebagai satu kaedah untuk mengukuhkan dan menjelaskan segala sumber yang berkaitan dengan kajian tersebut. Dengan itu, pengkaji akan meneliti segala buku-buku, jurnal dan karya-karya yang berkaitan dengan kajian ini. Dalam mendapatkan data melalui kaedah kepustakaan ini, pengkaji telah merujuk kepada beberapa kepustakaan yang terdekat seperti Kepustakaan Daerah Pusa dan Kepustakaan Daerah Debak.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk memaparkan atau memperlihatkan kepada individu, masyarakat dan juga negara tentang sejarah Perkembangan Adat Istiadat masyarakat Iban di Bahagian Betong Sarawak ini khususnya pada tahun 1961 sehinggalah 2018. Pelaksanaan kajian ini bukan saja untuk memperlihatkan Sejarah Adat Istiadat masyarakat Iban tetapi sekaligus untuk mendedahkan perubahan adat

¹⁷ *Ibid.*, hlm. 99.

asal tersebut kepada adat yang baru. Pendek kata, ia merujuk kepada suatu perbandingan tentang perubahan perkembangan adat istiadat yang diamalkan masyarakat Iban dulu dengan Masyarakat Iban kini. Oleh itu, pengkaji juga berharap agar setiap kajian yang dilakukan dapat memperoleh hasil yang baik kerana ini bukan semata mata kajian penyelidikan sahaja akan tetapi sebuah pendedahan baru kepada generasi kini. Maka dengan itu, melalui kajian inilah pengkaji berharap dapat memberi sedikit pengajaran yang dapat dikongsi serta nilai moral agar dapat diterapkan untuk dijadikan sebagai iktibar dalam sesebuah kehidupan pelbagai masyarakat terutamanya dalam adat istiadat Masyarakat Iban ini.

1.6.1 Kepentingan Kepada Individu

Seperti mana yang dilihat, Masyarakat Iban merupakan suku kaum etnik yang paling ramai di Sarawak berbanding dengan suku kaum yang lain seperti Bidayuh, Murut, kenyah dan lain-lain. Hal ini sedemikian kerana, masyarakat Iban ini lebih dikenali sebagai Dayak yang dikatakan berasal daripada Kalimantan Indonesia.¹⁸ Maka dengan itu, masyarakat Iban kini telah dilihat semakin kian mengalami perubahan dalam perkembangan adat istiadat masyarakat mereka. Hal ini kerana, pengaruh peredaran zaman yang semakin moden telah menjadikan mereka melakukan perubahan terhadap adat istiadat tersebut. Jika dilihat dalam tahun 1961, adat istiadat masyarakat Iban ini merupakan adat istiadat yang bersifat tradisonal dan terlihat pelbagai keunikan kebudayannya namun setelah berganti tahun ke tahun maka perkembangan dalam adat ini semakin berubah.

Oleh itu, sebagai seorang individu, kita perlu mempunyai semangat kecintaan terhadap adat istiadat masyarakat kaum sendiri. Hal ini kerana meskipun telah berlakunya perkembangan dalam perubahan adat istiadat masyarakat sendiri namun kita masih boleh mengangkat kedudukan adat tersebut dengan versi moden. Tujuannya adalah untuk mengelakkan berlakunya adat tersebut "terkubur" tanpa dijaga dengan baik. Walaubagaimanapun, setiap adat istiadat tersebut khususnya masyarakat Iban mestilah dipelihara dengan baik agar generasi akan datang dapat mengetahui adat istiadat tersebut. Jelaslah bahawa, semangat yang dilahirkan dalam darah seseorang etnik juga dapat membangkitkan nilai adat budaya sendiri agar

¹⁸ Hamid Darmadi, *Dayak Asal-Usul dan Penyebarannya di Bumi Borneo (1)*, *Sosial Horizon : Jurnal Pendidikan Sosial*, 2017, hlm. 322-340.

tidak kian dilupakan meskipun sudah mengalami perubahan dalam adat istiadat mereka.

1.6.2 Kepentingan Kepada Masyarakat

Bagi masyarakat pula, kepentingan kajian ini amatlah bernilai kerana ia dapat dijadikan sebagai ilmu pengetahuan baru terutamanya masyarakat setempat. Hal ini kerana, adat istiadat Masyarakat yang lain juga wajar untuk kita ketahui agar dapat melihat bagaimana keunikan sesuatu budaya masyarakat Iban itu sendiri. Namun bukan itu sahaja, sejarah perkembangan adat istiadat ini juga merupakan suatu nilai budaya yang paling tinggi nilainya terutama dalam dunia seni.¹⁹ Maka dengan itu, kita sebagai masyarakat yang mewarisi setiap budaya yang diamalkan nenek moyang kita dahulu wajar untuk mempertahankan nilai budaya tersebut. Kepelbagaian adat istiadat ini merupakan cerminan kepada setiap suku kaum etnik kerana untuk menilai kaum tersebut dapat dilihat dari budayanya.

Tambahan pula, masyarakat lain dapat melihat sejarah perkembangan adat istiadat di bahagian Betong ini berbanding dengan kawasan yang lain kerana masyarakat Iban di Betong akan memperlihatkan bagaimana perubahan adat tersebut berlaku. Justeru itulah, adalah satu pengajaran dalam kepentingan untuk masyarakat saling belajar dalam mempertahankan nilai budaya adat istiadat sendiri agar ia dapat mewujudkan keharmonian sejarah dalam kehidupan masyarakat setempat.

1.6.3 Kepentingan Kepada Negara

Hasil daripada kajian ini juga akan dilihat bahawa adat istiadat masyarakat Iban ini khususnya di Bahagian Betong Sarawak dapat memberi kepentingan kepada sesebuah negara. Ini kerana, adat istiadat ini merupakan budaya yang paling terunggul untuk diketahui oleh orang ramai samada dalam negara mahupun luar negara. Dengan sejarah perkembangan masyarakat Iban di Betong ini ia dapat menarik etnik yang lain untuk melihat khazanah adat ini untuk terus dipertahankan. Namun bukan itu sahaja, keunikan adat istiadat masyarakat Iban ini dalam

¹⁹ Hamidi Ismail, Kalthum Hassan & Md Nizar Zakaria, *Kesederhanaan ke arah perpaduan kaum di Malaysia : Journal of Techno-Social*, 2016, hlm.6.